

6

Soalan No: 14

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH : 21.3.2018 (RABU)

SOALAN :

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan kanak-kanak berumur dari 13 tahun - 17 tahun yang berdaftar di sekolah Kerajaan, sekolah swasta, sekolah antarabangsa, dan yang tidak berdaftar dengan mana-mana sekolah mengikut pecahan kaum. Apakah sebab Kerajaan tidak melanjutkan umur persekolahan wajib dari 12 tahun hingga 17 tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan data sehingga 31 Januari 2018, jumlah murid yang berumur 13 hingga 17 iaitu murid tingkatan satu hingga tingkatan lima yang mendaftar di bawah sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah seramai 1,219,13 orang kaum Melayu, 338,771 orang kaum Cina, 143,693 orang kaum India , dan 341,767 orang lain-lain kaum. Manakala murid warganegara Malaysia yang mengikuti pendidikan di sekolah swasta sehingga 30 Jun 2017 adalah seramai 118,020 orang yang meliputi murid daripada Sekolah Menengah Akademik, Sekolah Menengah Agama, Sekolah Antarabangsa, Sekolah Ekspatriat dan Sekolah Persendirian Cina.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Seksyen 29A, Akta Pendidikan 1996 yang sedang berkuat kuasa hanya memperuntukkan pendidikan rendah (pendidikan 6 tahun persekolahan) adalah menjadi pendidikan wajib. Walau bagaimanapun, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah mencadangkan pelanjutan pendidikan wajib daripada enam (6) tahun kepada 11 tahun persekolahan. Perkara ini sedang diusahakan oleh KPM mengambil kira kepentingan semua murid serta faktor-faktor lain yang berkaitan.

RJM48